

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2004/2005

Mei 2005

SAU315 - Masyarakat Maklumat

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan 1 dan 2 di Bahagian I adalah **WAJIB** dijawab. Pilih dan jawab **DUA (2)** dari Bahagian II.

...2/-

BAHAGIAN I (60 markah)

Soalan 1 dan 2 adalah WAJIB dijawab.

1. Pilih EMPAT (4) daripada enam konsep di bawah. Berikan (a) definisi; (b) penerangan dan (c) contoh bagi setiap satu konsep yang anda pilih.
 - a. Maklumat sampah (*Garbage information*)
 - b. Masyarakat pasca-industri (*Post-industrial society*)
 - c. Panoptikon (*Panopticon*)
 - d. Sistem kepakaran (*Expert system*)
 - e. Maklum balas (*Feedback*)
 - f. Penentu agenda (*Agenda setting*)

(40 markah)

2. Pada pendapat anda, adakah lebih banyak maklumat pada hari ini membawa kepada perubahan ketara dalam kehidupan manusia? Berikan contoh-contoh dalam perbincangan anda.

(20 markah)

BAHAGIAN II (40 markah)

Pilih dan jawab **DUA (2)** daripada empat soalan di bawah.

3. (a) Mengapakah aliran pasca-modernisma menolak 'kuasa daripada atas'?

(10 markah)

(b) Tanda dikatakan tidak mewakili apa-apa selain daripada dirinya. Bincangkan.

(10 markah)

4. (a) Apakah kelemahan-kelemahan mendefinisikan 'masyarakat maklumat' daripada sudut pekerjaan?

(10 markah)

(b) Mengapakah Daniel Bell melihat masyarakat maklumat sebagai masyarakat servis?

(10 markah)

5. (a) Bincangkan 'maklumat' daripada konteks perubahan masyarakat daripada jenis komuniti ke jenis *association* dengan mengambilkira fungsinya terhadap pengawasan.
(10 markah)
- (b) Menurut Schiller, adakah revolusi maklumat memberi kesan positif kepada ketidaksamaan masyarakat? Bincangkan.
(10 markah)
6. (a) Bincangkan kemunculan sfera publik bourgeois pada akhir abad ke-18?
(10 markah)
- (b) Mengapakah Habermas memberi gambaran yang gelap mengenai kemampuan sfera publik hari ini membentuk pendapat umum?
(10 markah)